

Anwar dimaklum Zahid berhubung gabungan besar Melayu

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dimaklumkan mengenai cadangan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berhubung usaha membentuk gabungan besar melibatkan parti politik Melayu dan Islam.

Ketua Penerangan PKR, Datuk Fahmi Fadzil berkata, parti itu setakat ini masih belum mengesahkan sama ada menerima sebarang jemputan rasmi

berkaitan cadangan tersebut.

Menurut Fahmi, beliau juga belum berbincang dengan Setiausaha Agung PKR, Datuk Dr Fuziah Salleh yang akan mengendalikan sebarang urusan berkaitan perkara itu.

“Datuk Seri Zahid telah memaklumkan perkara ini kepada Datuk Seri Anwar. Saya fikir dalam kalangan kepimpinan tertinggi, mereka memahami konteks cadangan tersebut.

“Namun, kebiasaannya sebarang surat atau jemputan rasmi akan disalurkan kepada setiausaha agung. Jadi, saya perlu menyemak dengan beliau sama ada PKR menerima jemputan seperti yang dinyatakan,” katanya kepada media di sini semalam.

Pada Perhimpunan Agung UMNO semalam, Ahmad Zahid mengemukakan idea pembentukan gabungan besar parti

Melayu dan Islam, yang disifatkannya sebagai langkah memperkukuh kestabilan politik serta mempererat perpaduan dalam kalangan parti berteras-kan Melayu-Islam.

Kenyataan tersebut mencetuskan perbincangan memandangkan PKR merupakan komponen utama Kerajaan Perpaduan pimpinan Pakatan Harapan yang turut melibatkan Barisan Nasional.